

AmFIRST REAL ESTATE INVESTMENT TRUST

(Ditubuhkan di Malaysia dan dibentuk di bawah Surat Ikatan bertarikh 28 September 2006 (Surat Ikatan Asal) (sebagaimana dipinda melalui Surat Ikatan Ditambah, Disemak dan Dinyatakan Semula bertarikh 15 Disember 2006 (Surat Ikatan Pertama), Surat Ikatan Kedua bertarikh 13 September 2013 (Surat Ikatan Kedua) dan Surat Ikatan Ketiga bertarikh 12 Jun 2020 (Surat Ikatan Ketiga)) ditandatangani di antara AmREIT Managers Sdn Bhd (No. Pendaftaran 200601011214 (730964-X)) dan Maybank Trustees Berhad (No. Pendaftaran 196301000109 (5004-P)), syarikat-syarikat diperbadankan di Malaysia)

NOTIS MESYUARAT PEMEGANG-PEMEGANG UNIT

DENGAN INI DIMAKLUMKAN BAHAWA mesyuarat pemegang-pemegang unit AmFIRST Real Estate Investment Trust (“**AmFIRST REIT**”) (“**Pemegang-Pemegang Unit**”) (“**Mesyuarat Pemegang-Pemegang Unit**”) akan diadakan di Manhattan II, Tingkat 14, Berjaya Times Square Hotel Kuala Lumpur, No. 1 Jalan Imbi, 55100 Kuala Lumpur, Malaysia pada hari Isnin, 21 September 2026, jam 11:00 pagi atau sejurus selepas tamat Mesyuarat Agung Khas Ke-14 bagi Pemegang-Pemegang Unit yang dijadualkan diadakan di tempat dan pada tarikh yang sama pada jam 10:00 pagi, mengikut mana-mana terkemudian, atau pada mana-mana penangguhannya (mengikut mana-mana yang berkenaan), bagi tujuan mempertimbangkan dan, sekiranya difikirkan wajar, meluluskan dengan atau tanpa pengubahsuaian, resolusi berikut:

RESOLUSI BIASA

CADANGAN PELUPUSAN SATU (1) BLOK BANGUNAN PEJABAT YANG DIBINA KHUSUS SETINGGI 46 TINGKAT BERSERTA TUJUH (7) TINGKAT TEMPAT LETAK KERETA BERTINGKAT YANG DIDIRIKAN DI ATAS SEBIDANG TANAH PEGANGAN BEBAS YANG DIPEGANG DI BAWAH GERAN 52468, LOT NO. 140 SEKSYEN 44, BANDAR DAN DAERAH KUALA LUMPUR, WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR (SECARA KOLEKTIF DIRUJUK SEBAGAI “MENARA AMBANK”), OLEH MAYBANK TRUSTEES BERHAD, YANG BERTINDAK SEMATA-MATA DALAM KAPASITINYA SEBAGAI PEMEGANG AMANAH BAGI PIHAK DAN UNTUK AmFIRST REIT (“PEMEGANG AMANAH”), KEPADA AMBANK (M) BERHAD (“AMB”) DENGAN JUMLAH BALASAN TUNAI SEBANYAK RM331.00 JUTA (“CADANGAN PELUPUSAN”)

“**BAHAWA** tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa dan/atau pihak-pihak berkaitan yang telah diperoleh (jika diperlukan) bagi Cadangan Pelupusan serta setelah semua syarat-syarat terdahulu sebagaimana yang diperuntukkan dalam perjanjian jual beli bersyarat bertarikh 8 Jun 2026 di antara Pemegang Amanah, bagi pihak dan untuk AmFIRST REIT (sebagai penjual), dan AMB (sebagai pembeli) (“**SPA**”), diperoleh/dipenuhi atau diketepikan (mengikut mana-mana yang berkenaan), kelulusan dengan ini diberikan kepada Pemegang Amanah, bagi pihak dan untuk AmFIRST REIT, bagi melupuskan Menara AmBank kepada AMB dengan jumlah balasan tunai sebanyak RM331,000,000, menurut terma dan syarat yang diperuntukkan di dalam SPA.

DAN BAHAWA Lembaga Pengarah AmREIT Managers Sdn Bhd, pengurus bagi AmFIRST REIT (“**Lembaga**”) (kecuali Christopher Yap Huey Wen, Azlan Baqee Bin Abdullah dan Lum Sing Fai (secara kolektif, “**Pengarah-Pengarah Berkepentingan**”)) dan Pemegang Amanah dengan ini diberi kuasa dan mandat untuk melakukan segala tindakan, surat cara dan perkara (termasuk segala permohonan dan penyerahan kepada pihak berkuasa dan badan pengawal selia yang berkaitan) serta untuk melaksanakan, menandatangani, menyerahkan dan menyebabkan diserahkan bagi pihak AmFIRST REIT, segala perjanjian, pengaturan dan dokumen sebagaimana yang Lembaga (kecuali Pengarah-Pengarah Berkepentingan) dan/atau Pemegang Amanah anggap wajar, perlu atau sesuai bagi melaksanakan, memuktamadkan, memberi kesan sepenuhnya kepada dan menyempurnakan Cadangan Pelupusan menurut terma dan syarat SPA, dengan kuasa penuh untuk bersetuju dengan dan/atau menerima sebarang syarat, perubahan, pindaan dan/atau pengubahsuaian dalam apa-apa cara jua sebagaimana yang mungkin dikenakan atau dikehendaki oleh mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan, termasuk untuk memeterai sebarang perjanjian tambahan, jika ada, berhubung dengan Cadangan Pelupusan, serta untuk menguruskan segala perkara yang berkaitan dengannya dan mengambil segala langkah serta melakukan segala tindakan dan perkara dalam apa-apa cara jua sebagaimana yang Lembaga (kecuali Pengarah-Pengarah Berkepentingan) dan/atau Pemegang Amanah anggap wajar, perlu atau sesuai demi kepentingan terbaik AmFIRST REIT.”

DENGAN PERINTAH LEMBAGA PENGARAH

AmREIT MANAGERS SDN BHD

(Pengurus bagi AmFIRST REIT)

Chan Sau Leng (MAICSA 7012211) (SSM PC No.: 202008002709)

Ruzeti Emar Binti Mohd Rosli (LS0010372) (SSM PC No.: 202008000974)

Setiausaha-Setiausaha Syarikat

Kuala Lumpur

4 September 2026

Nota-nota:

1. Pemegang-Pemegang Unit yang layak untuk menyertai

Bagi tujuan menentukan Pemegang-Pemegang Unit yang layak untuk menyertai Mesyuarat Pemegang-Pemegang Unit, AmFIRST REIT akan memohon kepada Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd untuk mengeluarkan Rekod Pendeposit bertarikh 14 September 2026. Bagi sekuriti yang didepositkan, hanya Pemegang-Pemegang Unit yang namanya disenaraikan di dalam Rekod Pendeposit AmFIRST REIT pada 14 September 2026 sahaja yang layak untuk menyertai Mesyuarat Pemegang-Pemegang Unit atau melantik Proksi untuk menghadiri, menyertai, bersuara dan mengundi bagi pihak mereka di dalam Mesyuarat Pemegang-Pemegang Unit.

2. Proksi

- Hanya pendeposit yang namanya disenaraikan di dalam Rekod Pendeposit AmFIRST REIT pada 14 September 2026 akan dianggap sebagai Pemegang Unit yang layak untuk menghadiri, menyertai, bersuara dan mengundi dalam Mesyuarat Pemegang-Pemegang Unit.
- Pemegang Unit yang layak untuk menghadiri, menyertai, bersuara dan mengundi dalam mesyuarat adalah berhak untuk melantik orang lain (sama ada Pemegang Unit atau bukan) sebagai proksinya untuk menghadiri, menyertai, bersuara dan mengundi bagi pihaknya. Tidak akan ada sekatan berkenaan dengan kelayakan proksi. Proksi yang dilantik untuk menghadiri, menyertai, bersuara dan mengundi dalam mesyuarat akan mempunyai hak yang sama dengan Pemegang-Pemegang Unit untuk menghadiri, menyertai, bersuara dan mengundi dalam mesyuarat tersebut.
- Di mana Pemegang Unit melantik dua (2) proksi, pelantikan tersebut adalah tidak sah melainkan jika Pemegang Unit menetapkan pembahagian pemegangan unitnya yang akan diwakili oleh setiap proksi di dalam Borang Proksi.
- Di mana Pemegang Unit adalah sebuah perbadanan, wakilnya yang diberi kuasa sewajarnya adalah berhak untuk menghadiri, menyertai, bersuara dan mengundi dalam mesyuarat tersebut dan adalah berhak untuk melantik orang lain (sama ada Pemegang Unit atau tidak) sebagai proksinya untuk menghadiri, menyertai, bersuara dan mengundi. Borang Proksi hendaklah secara bertulis ditandatangani oleh pelantik atau peguam/wakilnya yang diberi kuasa sewajarnya secara bertulis, atau sekiranya pelantik adalah sebuah perbadanan, Borang Proksi hendaklah disempurnakan dengan meterai perbadanan itu atau ditandatangani oleh pegawai atau peguam/wakil yang diberi kuasa sewajarnya.
- Sekiranya Pemegang Unit adalah nomini yang dibenarkan sebagaimana ditakrif di bawah Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat) 1991, ia boleh melantik sekurang-kurangnya seorang (1) proksi untuk setiap akaun sekuriti yang dipegang dengan unit-unit AmFIRST REIT yang dikredit ke akaun sekuriti tersebut.
- Sekiranya Pemegang Unit AmFIRST REIT adalah nomini diberi kuasa yang dikecualikan yang memegang unit AmFIRST REIT untuk beberapa peringkat bersama di dalam satu (1) akaun sekuriti (Akaun Omnibus), tidak ada had kepada bilangan proksi yang boleh dilantik oleh nomini diberi kuasa yang dikecualikan untuk setiap Akaun Omnibus yang dipegang.
- Pelantikan Proksi boleh dibuat secara borang fizikal atau melalui kaedah elektronik seperti berikut:

Secara Borang Fizikal

Borang Proksi secara fizikal hendaklah dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh pelantik atau peguamnya yang diberi kuasa secara bertulis, atau sekiranya pelantik adalah sebuah syarikat, hendaklah disempurnakan dengan meterai perbadanan atau ditandatangani oleh pegawai atau peguam yang diberi kuasa.

Borang Proksi hendaklah dihantar ke pejabat Pendaftar Saham AmFIRST REIT di Boardroom Share Registrars Sdn Bhd di Tingkat 11, Menara Symphony, No. 5, Jalan Prof. Khoo Kay Kim, Seksyen 13, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia, tidak lewat daripada empat puluh lapan (48) jam sebelum masa mesyuarat atau mana-mana penangguhannya.

Melalui Kaedah Elektronik

Borang Proksi boleh dikemukakan:

- kepada Pendaftar Saham AmFIRST REIT, Boardroom Share Registrars Sdn Bhd melalui e-mel ke bsr.proxy@boardroomlimited.com, tidak lewat daripada empat puluh lapan (48) jam sebelum masa mesyuarat atau mana-mana penangguhannya; atau
- melalui kaedah elektronik (e-Proxy) melalui Boardroom Smart Investor Portal (BSIP) di <https://investor.boardroomlimited.com> dengan mendaftar masuk dan memilih “Submit e-Proxy Form” di bawah “AmFIRST REAL ESTATE INVESTMENT TRUST EXTRAORDINARY GENERAL MEETING” dari senarai mesyuarat, tidak lewat daripada empat puluh lapan (48) jam sebelum masa mesyuarat atau mana-mana penangguhannya (silalah rujuk Panduan Pentadbiran Mesyuarat Pemegang-Pemegang Unit untuk maklumat lanjut mengenai penyerahan melalui e-Proxy).

3. Pendaftaran Pemegang-Pemegang Unit/Proksi

Pendaftaran Pemegang-Pemegang Unit/Proksi dibuka mulai tarikh Notis Mesyuarat Pemegang-Pemegang Unit pada hari Jumaat, 4 September 2026. Sila ikuti prosedur pendaftaran yang dinyatakan dalam Panduan Pentadbiran bagi Mesyuarat Pemegang-Pemegang Unit.

4. Pengundian

Menurut Perenggan 8.29A(1) Syarat-syarat Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, sebarang resolusi yang dinyatakan dalam Notis Mesyuarat Pemegang-Pemegang Unit akan diputuskan melalui pengundian secara poli. Pentadbir Pengundian dan Pemeriksa Bebas akan dilantik untuk mengendalikan proses poli secara elektronik serta mengesahkan keputusan poli. Setelah selesai sesi pengundian bagi mesyuarat tersebut, Pemeriksa Bebas akan mengesahkan dan mengumumkan keputusan poli, diikuti dengan pengisytiharan oleh Pengerusi mesyuarat sama ada resolusi tersebut telah diluluskan dengan sewajarnya.

5. Privasi Data Peribadi

Dengan mendaftar dan/atau mengemukakan instrumen pelantikan proksi dan/atau wakil, Pemegang Unit dianggap telah memberikan persetujuan untuk penggunaan data tersebut bagi tujuan pemprosesan dan pentadbiran oleh AmFIRST REIT (atau ejen-ejenjnya); serta bagi mematuhi mana-mana undang-undang, syarat-syarat penyenaraian, peraturan dan/atau garis panduan yang berkenaan. Pemegang Unit bersetuju bahawa beliau akan menanggung rugi AmFIRST REIT terhadap sebarang penalti, liabiliti, tuntutan, permintaan, kerugian dan kerosakan yang timbul akibat pelanggaran jaminan oleh Pemegang Unit.